astro AWANI

# Fahmi kongsi 10 pengumuman penting Kerajaan Perpaduan minggu lepas

Bernama
Ogos 29, 2023 00:57 MYT

KUALA LUMPUR: Menteri Komunikasi dan Digital Fahmi Fadzil berkongsi 10 pengumuman penting yang diumumkan Kerajaan Perpaduan sepanjang minggu lepas.
Menerusi hantaran di laman Facebook, beliau berkata ia melibatkan kelulusan pemasangan unit Starlink di Kampung Orang Asli Tonggang, Perak.

Selain itu, beliau berkata kerajaan turut meluluskan peruntukan geran kepada usahawan mikro yang dinaikkan kepada RM10 juta, peruntukan RM10 juta untuk bimbing B40 bandar berniaga sementara Skim Perubatan MADANI diperluaskan ke tujuh daerah baharu.

Bagi menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan 31 Ogos ini pula, bas percuma akan disediakan dari stesen MRT Putrajaya ke Dataran Putrajaya.
Turut diumumkan adalah projek Perintis Mini Sekinchan untuk menghasilkan 10.45 tan padi sehektar, peruntukan tambahan RM30 juta untuk naik taraf laluan Gerik-Jeli dan peruntukan RM2 juta untuk naik taraf Zoo Johor.

Dalam pada itu, sebuah sekolah daif di Bangi telah siap ditambah baik manakala aplikasi MYJalan dilancarkan untuk memudahkan aduan kerosakan jalan raya.
-- BERNAMA